

D Padankan kata kerja yang sesuai berdasarkan ayat yang diberikan.

- | | |
|--|-----------------------------------|
| 1. Kita mestilah _____ kedai makanan yang bersih bagi mengelakkan keracunan makanan. | <input type="radio"/> mencemarkan |
| 2. Makanan mestilah ditutup untuk mengelakkan lalat _____ makanan. | <input type="radio"/> mengikuti |
| 3. Akmal _____ tangan secara kerap untuk menghindari penyakit berjangkit. | <input type="radio"/> memilih |
| 4. Dennis _____ ayahnya ke klinik untuk membuat pemeriksaan kesihatan. | <input type="radio"/> memeriksa |
| 5. Doktor Kong _____ nenek yang sakit dengan teliti. | <input type="radio"/> mencuci |

E Pilih kata kerja yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam teks di bawah.

mengelap melihat menghias memuji
 menyapu menyusun menceriakan mengucapkan

Pada hari minggu yang lalu, murid-murid Tahun Enam Pintar berganding bahu _____ kelas mereka supaya kelas mereka kelihatan indah dan bersih. Kimberly ditugaskan untuk _____ cermin tingkap dengan sehelai kain basah. Farihin pula _____ sampah di dalam kelas manakala Vijaya _____ papan kenyataan di dalam kelas. Zakaria dan Hanif pula sibuk _____ kerusi dan meja dengan teratur. Cikgu Lau berasa besar hati kerana _____ kelasnya menjadi bersih dan cantik. Beliau telah _____ terima kasih kerana semua murid saling bekerjasama bagai aur dengan tebing untuk membersihkan kelas.

F Garisi kata kerja pasif yang betul dalam ayat-ayat di bawah.

- Jala (dibaling dibentang ditebarkan) oleh Encik Lin untuk menangkap ikan.
- Pokok yang besar itu (dicabut dikorek ditebang) oleh Pak Kassim.

B Baca dan fahami maklumat. Kemudian, lengkapkan cerita.



PANDUAN MENGGUNAKAN ESKALATOR

1. Jangan guna eskalator yang tidak beroperasi
2. Gunakan lif sekiranya membawa kereta sorong, bayi bagasi yang bertongkat, berkerusi roda dan berskuter elektrik
3. Pakai kasut tertutup yang bertapak keras
4. Elakkan memakai kasut yang diperbuat daripada getah lembut
5. Jangan benarkan anak-anak menaiki eskalator bersendirian
6. Berdiri di sebelah kiri dan beri laluan kepada pengguna yang ingin bergegas

Hai, kawan-kawan! Saya ingin berkongsi tentang cara-cara menggunakan eskalator dengan betul dan selamat.




Soalan 24

Teliti gambar dan dialog di bawah. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.



Saya mempunyai cita-cita yang tinggi. Saya mesti rajin menuntut ilmu dan membuat ulang kaji pelajaran. Saya mesti berusaha sehingga berjaya seperti kakak saya, Su Hua.

Syabas, Su Hua kerana telah berjaya mendapat 8A dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah. Saya bangga terhadap kejayaan kamu.



Tahniah, Su Hua kerana telah berjaya menamatkan pengajian dan memperoleh segulung ijazah dalam bidang perguruan dari Institut Pendidikan Guru Kampus Darul Aman.

Terima kasih, Cikgu Su Hua kerana mendidik kami dengan penuh kasih sayang. Kami berjanji akan belajar dengan bersungguh-sungguh untuk membalas jasa cikgu.





Jawapan



Buku Utama



Tema 1 Harmoni Sentiasa m.s. 1

Aktiviti PAK-21

Mei Mei : Mereka membina jejantas untuk membolehkan pejalan kaki melintas jalan dengan selamat.

Siti : Banyak alasan yang diberikan oleh orang ramai untuk tidak menggunakan jejantas. Antaranya termasuklah kedudukan jejantas yang jauh.

Tatabahasa

- A**
1. Ben Hong
 2. Sekolah Kebangsaan Permatang Pauh
 3. Encik Yusoff, Samsung
 4. Universiti Sains Malaysia
 5. Hari Guru

- B**
1. B 2. A 3. D 4. C 5. B
 6. C 7. D

- C**
1. Beta 2. Kalian 3. Dia
 4. Kita 5. Hamba 6. Anda

- D**
1. ini 2. Ini 3. Ini 4. itu 5. itu

- E**
1. sini 2. sini 3. sini 4. sana 5. situ
 6. sini 7. situ

Pemahaman

- A**
1. Tujuan Hari Keusahawanan diadakan di SJKC Kwang Hwa adalah untuk meningkatkan permuafakatan antara banyak pihak.
 2. Pada pendapat saya, faedah Hari Keusahawanan diadakan adalah dapat memberikan pengalaman baharu kepada para murid menjadi usahawan kecil. Selain itu, program ini dapat memupuk minat para murid untuk menjadi usahawan pada masa hadapan. *(Jawapan lain yang bersesuaian diterima)*

- B**
1. ... kepada semua murid tahap dua.
 2. Bengkel Asas Fotografi dan Videografi diadakan di Dewan Besar Mariaman.

3. Bengkel itu diadakan selama lima jam.
4. Aqil mahu menyertai bengkel tersebut tetapi tidak berjaya kerana dia bukan murid tahap dua di sekolah itu dan peserta bengkel itu telah cukup 50 orang.
5. Pada pendapat saya, bengkel itu diadakan pada musim cuti sekolah kerana boleh mengisi masa lapang murid-murid dengan aktiviti-aktiviti yang berfaedah. Selain itu, murid-murid juga berpeluang menguasai kemahiran yang baharu. *(Jawapan lain yang bersesuaian diterima)*

- C**
1. Berbudu bahasa ialah budaya kita yang perlu kita amalkan secara turun-temurun.
 2. Kita mestilah menghormati jiran kita dengan saling bertegur sapa supaya semangat kejiranan kita semakin rapat.
 3. Sikap sombong tidak membawa sebarang manfaat dalam kehidupan kita kerana sikap itu akan menyebabkan kita kehilangan saudara dan kawan.
 4. Sekiranya semua bangsa bersatu padu, negara kita akan menjadi aman dan makmur selamanya.

Penulisan

- A**
1. Hashim dan adiknya membantu datuk memetik sayur-sayuran di kebun sayur pada waktu pagi.
 2. Hashim dan adiknya mengikut datuk mereka memancing ikan di tepi sungai.
 3. Pada waktu malam, Hashim dan seisi keluarganya makan malam bersama-sama datuk dan nenek sambil berbual-bual dengan gembira.
 4. Hashim dan ahli keluarganya mengadakan aktiviti gotong-royong di kawasan halaman rumah untuk membersihkan rumah datuk dan nenek supaya kelihatan cantik dan bersih.
 5. Datuk, ayah, Hashim dan adiknya bermain wau di padang yang berhampiran dengan rumah datuk mereka. *(Jawapan lain yang bersesuaian diterima)*

- B**
- Poster tersebut menunjukkan poster Hari Keluarga Taman Riang. Hari Keluarga Taman Riang dianjurkan oleh Persatuan Penduduk Taman Riang pada 18 Disember 202_ dari pukul 8.00 pagi hingga 5.00 petang di Taman Rekreasi Taman Riang. Tujuannya adalah untuk mengeratkan hubungan sesama ahli keluarga dan anggota masyarakat.



Aktiviti-aktiviti yang diadakan termasuklah acara sukaneka, pertandingan melukis, pertandingan nyanyian dan cabutan bertuah. Kesimpulannya, semua penduduk Taman Riang haruslah melibatkan diri dalam program tersebut untuk membentuk masyarakat yang harmoni dan bersatu padu.
(*Jawapan lain yang bersesuaian diterima*)



Tema 2 Kebersihan dan Kesihatan..... m.s. 13

Aktiviti PAK-21

Rahman: ...kita mudah terdedah kepada pelbagai penyakit jika kita tidak mencuci tangan dengan betul.

Tatabahasa

- A**
- | | |
|--------------|-------------|
| 1. sepasang | 2. sekawan |
| 3. segulung | 4. patah |
| 5. senaskhah | 6. sebertuk |
| 7. sebilang | 8. biji |
- B**
- | | |
|--------------|-----------------|
| 1. menanam | 2. menghindari |
| 3. menular | 4. berbincang |
| 5. mengenang | 6. mengharumkan |
- C**
- | | |
|----------|----------|
| 1. betul | 2. salah |
| 3. betul | |
- D**
- | | |
|--------------|----------------|
| 1. memilih | 2. mencemarkan |
| 3. mencuci | 4. mengikuti |
| 5. memeriksa | |
- E**
- | | |
|-----------------|-------------|
| 1. menceriaikan | 2. mengelap |
| 3. menyapu | 4. menghias |
| 5. menyusun | 6. melihat |
| 7. mengucapkan | |
- F**
- | | |
|---------------|-------------|
| 1. ditebarkan | 2. ditebang |
|---------------|-------------|

Pemahaman

A **Gejala**
demam, batuk dan sukar bernafas.

Langkah pencegahan

Sentiasa mengamalkan tahap kebersihan diri yang tinggi seperti kerap mencuci tangan dengan menggunakan air dan sabun, sentiasa membawa penutup mulut dan hidung, elakkan mengunjungi tempat tumpuan ramai dan elakkan memakan daging yang mentah atau tidak dimasak dengan sempurna.

- B**
- | | | |
|------|------|------|
| 1. C | 2. B | 3. C |
|------|------|------|
4. Pada pendapat saya, kesan sekiranya kita kurang memakan sayur-sayuran ialah badan kita akan mudah jatuh sakit. Selain itu, risiko dijangkiti penyakit kronik seperti penyakit jantung, kanser dan lain-lain adalah tinggi sekiranya kita kurang makan sayur-sayuran.
(*Jawapan lain yang bersesuaian diterima*)

- C**
- memberikan senyuman yang menawan
 - menjamin gigi serta gusi sentiasa berada dalam keadaan sihat
 - gigi tidak mudah rosak dan dapat mengelakkan nafas daripada berbau busuk
 - meningkatkan keyakinan diri ketika berada di hadapan orang ramai

- D**
- merebak
 - Ketua Menteri Pulau Pinang yang menyeru orang ramai supaya menghapuskan tempat pembiakan nyamuk Aedes.
 - Punca utama yang menyebabkan wabak demam denggi menular ialah pembiakan nyamuk Aedes.
 - Pada pendapat saya, cara-cara untuk mencegah demam denggi selain daripada menjalankan aktiviti gotong-royong ialah menggunakan semburan serangga untuk membunuh nyamuk. Selain itu, kita juga boleh menggunakan kelambu semasa tidur.
(*Jawapan lain yang bersesuaian diterima*)

Penulisan

- A**
- Kita mestilah mandi sekurang-kurangnya dua kali sehari supaya badan kita bersih dan sihat.
 - Kita mestilah mencuci tangan dengan menggunakan sabun sebelum dan selepas kita makan untuk mengelakkan keracunan makanan.
 - Kita mestilah memotong kuku kerana kuku yang panjang mempunyai banyak kuman dan bakteria.
 - Kita mestilah menggosok gigi sebelum dan selepas tidur supaya nafas labih segar.
 - Gunakan tisu apabila bersin supaya bakteria tidak tersebar.

B Grafik menunjukkan amalan gaya hidup yang sihat yang perlu dilakukan oleh setiap orang dalam kehidupan. Antara amalan gaya hidup sihat ialah kita mestilah mempunyai tidur dan rehat yang mencukupi supaya kita lebih bersemangat untuk melakukan aktiviti seharian kita pada hari seterusnya. Selain itu, kita haruslah mengambil pemakanan yang seimbang. Contohnya, kita

haruslah memakan ikan, sayur-sayuran, buah-buahan dan bijirin untuk menjaga dan mengekalkan kesihatan kita. Seterusnya, kita patutlah bersenam sekurang-kurangnya tiga kali seminggu. Kesannya, badan kita akan berpeluh dan mengeluarkan toksik dalam badan kita supaya badan kita tidak mudah diserang penyakit. Akhir sekali, kita juga disarankan membuat pemeriksaan kesihatan di hospital untuk mengetahui tahap kesihatan kita. Kesimpulannya, kita mestilah mengamalkan gaya hidup yang sihat supaya badan kita sentiasa sihat dan otak kita cerdas.

C Pada hari Khamis yang lalu, saya bersama ibu melawat datuk yang sakit di hospital. Datuk terlibat dalam suatu kemalangan jalan raya semasa datuk ingin membelikan hadiah hari jadi kepada saya.

Sebelum ke hospital, kami telah membeli buah tangan di pusat beli-belah yang berhampiran dengan hospital. Kami tiba di hospital pada 10.30 pagi. Waktu itu merupakan waktu melawat pesakit. Ibu memimpin tangan saya sambil berjalan menuju ke arah bilik pesakit.

Apabila saya bertemu dengan datuk, air mata saya mengalir. Saya terus mencium pipi sambil memeluk datuk dengan erat. Datuk berbaring di atas katil sambil membelai kepala saya. Saya berasa sedih melihat kaki datuk dibalut dengan simen.

Kemudian, saya dengan ibu bertanyakan tentang kemalangan itu. Setelah itu, ibu saya menyuapkan bubur kepada datuk. Kami berasa sangat gembira apabila melihat datuk berselera makan.

Sebelum pulang ke rumah, seorang doktor menghampiri kami. Beliau memaklumkan berita gembira kepada kami. Datuk saya dibenarkan keluar wad pada hari esok. Saya dan ibu berasa sangat bersyukur.

Tatabahasa

- A** 1. betul 2. betul 3. salah
4. salah 5. betul
- B** 1. D 2. B 3. C 4. B 5. A
6. B
- C** 1. nyaris 2. jauh 3. dekat
4. sebelah
- D** 1. tebal 2. panjang 3. nipis-nipis
4. luas 5. besar 6. tinggi

Pemahaman

- A** 1. Memakai tali pinggang keledar untuk setiap perjalanan, meskipun untuk jarak yang dekat.
2. Jangan letakkan tali pinggang keledar di bawah lengan atau di belakang anda.
3. Jangan berkongsi tali pinggang keledar dengan anak.
4. Memeriksa tali pinggang keledar untuk memastikan ia berfungsi dengan baik.
5. Menggunakan tempat duduk keselamatan untuk kanak-kanak.

B Kita tidak boleh menggunakan eskalator yang tidak beroperasi. Kita disarankan menggunakan lif sekiranya membawa kereta sorong bayi atau bagasi yang bertongkat, berkerusi roda dan elak memakai kasut bertutup yang bertapak keras dan elak memakai kasut yang diperbuat daripada getah lembut. Selain itu, kanak-kanak dilarang menaiki eskalator bersendirian. Akhir sekali, kita perlu berdiri di sebelah kiri dan memberikan laluan kepada pengguna yang ingin berpegas.

- C** 1. berlaku lagi
2. Kita hendaklah berhati-hati dan berwaspada walau di mana-mana berada bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini berlaku.
3. salah, betul
4. Pada pendapat saya, langkah-langkah menjaga keselamatan diri ketika berada di sungai ialah pastikan kita sentiasa diawasi oleh orang dewasa seperti ibu bapa kita. Selain itu, kita mestilah memakai jaket pelampung air ketika ingin bermain air di sungai.
(Jawapan lain yang bersesuaian diterima)

D **Nama:** Superima
Kegunaan: Melindungi pemandu dan penumpang daripada kecederaan
Ciri keselamatan:

- kuat dan tahan lasak
- boleh ditarik dan diregangkan semula
- mengetat untuk memegang kedudukan pengguna semasa berlaku kemalangan

- E** 1. C 2. D 3. A 4. C



Tema 3

Waspada Pasti

Selamat m.s. 25

Aktiviti PAK-21

1. Tujuan Zamri menelefon pihak sekolah adalah untuk membuat laporan tentang rumah jirannya yang dimasuki pencuri.
2. (i) Tolong-menolong (ii) Keberanian
(Jawapan lain yang bersesuaian diterima)
3. Pada pendapat saya, akibat jika Zamri tidak menelefon pihak polis apabila mendapati rumah jirannya dimasuki pencuri ialah harta benda jiran akan dicuri.
(Jawapan lain yang bersesuaian diterima)



 **Penulisan**

- A**
1. Kita mestilah menggunakan lintasan belang yang disediakan ketika hendak melintas jalan raya.
 2. Kita haruslah menggunakan jejantas untuk melintas jalan raya yang sibuk supaya dapat mengelakkan berlakunya kemalangan.
 3. Setiap murid wajarlah beratur dengan tertib semasa menaiki bas sekolah supaya dapat mengelakkan kecederaan.
 4. Setiap penunggang motosikal dan pembonceng motosikal mestilah memakai topi keledar untuk mengelakkan kecederaan yang parah pada bahagian kepala apabila berlaku sesuatu kemalangan.
 5. Tali pinggang keledar perlu dipakai oleh setiap pemandu dan penumpang kereta untuk mengurangkan kecederaan sekiranya berlaku sesuatu kemalangan.

B Gambar menunjukkan penjagaan keselamatan di sekolah amat penting. Terdapat beberapa langkah yang perlu diamalkan oleh murid-murid untuk menjaga keselamatan diri di sekolah. Antara langkah menjaga keselamatan di sekolah ialah murid-murid mestilah naik dan turun tangga di sekolah dengan berhati-hati. Contohnya, murid-murid mestilah memegang susur tangga semasa naik atau turun tangga. Selain itu, murid-murid wajarlah beratur dengan tertib ketika hendak membeli makanan di kantin sekolah. Contohnya, murid-murid dilarang berebut-rebut untuk membeli makanan di kantin sekolah. Akhir sekali, murid-murid dilarang berlari di kawasan sekolah. Kesannya, murid-murid dapat mengelakkan kecederaan. Kesimpulannya, setiap murid mestilah mengamalkan langkah-langkah menjaga keselamatan di sekolah kerana malang tidak berbau.

C Pada suatu malam, ketika saya sedang tidur di rumah, saya telah dikejutkan oleh suara jeritan di luar rumah. Apabila saya menjenguk ke luar, saya dapati asap berkepul-kepul naik ke udara dari rumah jiran saya. Rumah jiran saya telah terbakar.

Saya segera memberitahu tragedi kebakaran itu kepada ibu bapa saya. Kemudian, bapa saya segera meminta bantuan penduduk kampung, manakala ibu saya menelefon pihak bomba. Penduduk kampung yang datang membantu jiran saya mengangkat barang-barang keluar dari rumah dan ada yang membantu untuk memadamkan api.

Selepas 20 minit, pihak bomba pun tiba ke tempat kejadian. Semua anggota bomba bertungkus-lumus memadamkan api untuk mengelakkan api itu merebak. Selepas sejam, api berjaya dipadamkan.

Jiran saya dan keluarganya mengucapkan terima kasih kepada semua yang datang menolong untuk memadamkan kebakaran rumahnya. Semua penduduk kampung yang datang membantu termasuk ahli keluarga saya berasa sangat gembira kerana dapat membantu jiran kami.



Tema 4

Indahnya Budaya,

Halusnya Seni m.s. 37

Aktiviti PAK-21

1. ... kerabat diraja, golongan bangsawan dan orang besar negeri.
2. ... benang sutera dan benang emas.
3. ... lebih menyeluruh dan tidak terhad kepada golongan kerabat diraja sahaja.
4. ... digunakan ketika majlis perkahwinan atau perayaan.



Tatabahasa



- | | | |
|---------|-----------|-------------|
| 1. dan | 2. atau | 3. manakala |
| 4. lalu | 5. sambil | 6. kecuali |
| 7. maka | 8. tetapi | |



- | | | |
|------------|-----------|------------|
| 1. sebelum | 2. yang | 3. apabila |
| 4. bahawa | 5. kerana | |



1. Kita pasti akan berjaya jika kita berlatih dengan bersungguh-sungguh.
2. Pak Atan menanam pokok pisang sementara menunggu pokok duriannya mengeluarkan hasil.
3. Adik masih menangis walaupun telah dipujuk oleh kakak.



- | | |
|-------------|--------------------|
| 1. akan | 2. dari ... hingga |
| 3. daripada | 4. di |
| 5. kepada | |



- | | |
|---------|-----------|
| 1. pada | 2. antara |
| 3. ke | 4. oleh |



- | | |
|-----------|----------|
| 1. cantik | 2. merdu |
| 3. wangi | 4. enak |



- | | |
|------------|----------|
| 1. busuk | 2. aman |
| 3. lantang | 4. manis |
| 5. sejuk | 6. indah |
| 7. pedas | |



Pemahaman



- | | | | |
|------|------|------|------|
| 1. D | 2. A | 3. C | 4. A |
|------|------|------|------|



- B**
1. Pertandingan Tarian Tradisional itu diadakan di Dewan Orang Ramai Taman Muhibah.
 2. Pada pendapat saya, pertandingan tersebut diadakan oleh Persatuan Penduduk Taman Muhibah adalah untuk memberikan peluang kepada orang ramai terutamanya generasi muda untuk mengenali dan menikmati keunikan tarian tradisional pelbagai kaum seperti tarian kipas, tarian zapin dan tarian bharathanatyam.
(Jawapan lain yang bersesuaian diterima)

C Jika tarian tradisional tidak didedahkan kepada generasi muda, lama-kelamaan tarian tradisional akan ditelan zaman dan pupus.
(Jawapan lain yang bersesuaian diterima)

- D**
1. Kuih bakul dibuat semasa musim perayaan Tahun Baharu Cina.
 2. Masyarakat Cina menghidangkan kuih bakul kepada 'Tuhan Dapur' sebagai pemanis mulut untuk mengelakkan tuhan tersebut melaporkan segala perbuatan manusia yang tidak baik kepada maharaja di syurga dan berharap supaya tuhan itu hanya melaporkan berita yang baik sahaja.
 3. Pada pendapat saya, makanan tradisional rakyat Malaysia dapat dikekalkan sepanjang zaman dengan mengadakan pesta makanan tradisional pelbagai kaum pada setiap tahun. Selain itu, kita mestilah mempelajari cara-cara membuat makanan tradisional dan berkongsi dengan rakan-rakan yang berbilang bangsa supaya makanan tradisional tidak akan pupus.
(Jawapan lain yang bersesuaian diterima)

- E**
1. Kepentingan perpaduan kepada negara ialah kita dapat mengekalkan keamanan negara selama-lamanya.
 2. Keseronokan menghadiri rumah terbuka ialah kita dapat menikmati pelbagai juadah seperti tose, kuih bulan, rendang dan sebagainya.

Penulisan

- A**
1. Datuk Leong sedang memberikan angpau kepada cucunya sempena sambutan Tahun Baharu Cina.
 2. Baba Lim dan seisi keluarganya makan besar di rumah dengan pelbagai juadah dan makanan tradisional.
 3. Beberapa orang kanak-kanak sedang menyaksikan persembahan tarian singa yang menarik sambil bertepuk tangan dengan gembira di luar rumah.
 4. Beberapa orang kanak-kanak sedang bermain bunga api dengan gembira di luar rumah sambil diawasi oleh ibu bapanya.

5. Nenek Mei Lim sedang berbual-bual dengan Encik Tan dan Puan Chan tentang hal-hal keluarga di ruang tamu dengan gembira.
(Jawapan lain yang bersesuaian diterima)

B Rajah menunjukkan faedah-faedah permainan tradisional. Terdapat banyak faedah yang boleh kita peroleh apabila kita bermain permainan tradisional. Antara faedah permainan tradisional ialah kita boleh mengisi masa lapang dengan berfaedah. Selain itu, kita dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan menerusi permainan tradisional kerana ibu bapa boleh mendampingi anak-anaknya untuk bermain permainan tradisional. Seterusnya, kita boleh menenangkan minda dan perasaan serta mengurangkan stres apabila kita bermain permainan tradisional setelah letih mengulang kaji pelajaran. Akhir sekali, kita boleh mengekalkan khazanah bangsa. Penglibatan kita dalam mengekalkan permainan tradisional menyebabkan kita lebih mengenali permainan tradisional seperti congkak, batu seremban dan wau. Kesimpulannya, permainan tradisional membawa banyak kebaikan dalam kehidupan kita. Oleh itu, kita mestilah mengekalkan permainan tradisional dan memperkenalkan kepada generasi muda.
(Jawapan lain yang bersesuaian diterima)

C Pada cuti sekolah yang lalu, saya dan ahli keluarga telah melawat ke Muzium Negara yang terletak di Kuala Lumpur. Kami sekeluarga menaiki kereta ayah ke sana.

Dalam perjalanan ke destinasi, saya dengan adik telah memakan makanan ringan sambil bermain permainan kecil untuk menghilangkan kebosanan kami di dalam kereta. Setelah dua jam, kami pun tiba di hadapan Muzium Negara.

Sebelum memasuki Muzium Negara bapa kami telah berpesan kepada kami untuk mematuhi peraturan semasa berada di dalam muzium. Setelah membeli tiket masuk ke muzium, kami sekeluarga pun memasuki bangunan yang cantik itu. Muzium Negara merupakan sebuah tempat yang dimuatkan dengan barang-barang sejarah.

Apabila kami memasuki bangunan Muzium Negara, kami dapat melihat berbagai-bagai jenis barangan antik dan purba seperti pedang, meriam, keris dan sebagainya. Kami juga berasa amat teruja kerana berpeluang untuk melihat pelbagai jenis pakaian dan perhiasan kaum yang terdapat di negara kita. Gambar-gambar dan video tentang kehidupan orang prasejarah juga dipamerkan.

Sebelum pulang ke rumah, kami telah membeli cenderamata dan mengambil gambar di hadapan Muzium Negara sebagai kenang-kenangan. Saya berharap supaya kami berpeluang untuk berkunjung ke muzium itu lagi pada masa yang akan datang.
(Jawapan lain yang bersesuaian diterima)





Ujian Pertengahan Tahun m.s. 49

Pemahaman

Bahagian A

- | | | | | |
|-------|-------|-------|-------|-------|
| 1. B | 2. A | 3. D | 4. C | 5. D |
| 6. B | 7. A | 8. D | 9. D | 10. B |
| 11. C | 12. C | 13. B | 14. D | 15. D |
| 16. C | 17. D | 18. A | 19. C | 20. B |

Bahagian B

21. (a) saya, kami, Mereka, Beliau
 (b) (ii) bersenam (iii) bersahabat
 (iv) bertemu
22. (a) (i) sekeping (ii) sebilah
 (b) (i) SALAH (ii) SALAH
 (iii) BETUL (iv) BETUL
23. (a) (i)

✓

 (ii)

✓
- (b) malang tidak berbau
24. (a) guru
 (b) (i) Kejayaan memperoleh 8A dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah.
 (ii) Kejayaan menamatkan pengajian dan memperoleh segulung ijazah dalam bidang perguruan dari Institut Pendidikan Guru Kampus Darulaman
 (c) Berdasarkan gambar dan dialog di atas, layanan Su Hua terhadap murid-muridnya ialah Su Hua mengajar murid-muridnya dengan penuh kasih sayang dan ikhlas.
 (Jawapan lain yang bersesuaian diterima)
 (d) Selain mengajar murid-murid seperti yang ditunjukkan dalam gambar, tiga bidang tugas lain Su Hua terhadap murid-muridnya ialah menjaga keselamatan murid di kelas, menjaga kebersihan dan tingkah laku setiap murid serta merancang teknik pengajaran yang berkesan kepada murid-muridnya.
25. (a) Haziqah Nurul Huda Harun
 (b) Haziqah Nurul Huda Harun memulakan perniagaan kuih bulan dari rumah untuk memenuhi tempahan kira-kira 500 biji kuih bulan dalam satu masa.
 (c) Sekiranya saya seorang pengusaha makanan tradisional, saya akan meningkatkan pengeluaran makanan tradisional jika permintaan makanan tradisional daripada pelanggan bertambah. Hal ini demikian kerana, saya mahu mendapat keuntungan yang lebih banyak. Selain itu, saya ingin memenuhi permintaan pasaran dan tidak mahu mengecewakan pelanggan. Saya

juga boleh mengambil kesempatan ini untuk mempromosikan makanan tradisional supaya tidak hilang ditelan zaman.
 (Jawapan lain yang bersesuaian diterima)

Penulisan

Bahagian A

- Kita mestilah berkunjung ke rumah jiran semasa perayaan seperti Tahun Baharu Cina, Hari Deepavali dan Hari Raya Aidilfitri supaya kita dapat memahami adat resam dan budaya jiran kita.
- Kita perlu membantu jiran apabila diperlukan untuk mengeratkan hubungan dengan jiran kita.
- Kita patut melawat jiran yang sakit kerana kunjungan kita mungkin dapat melegakan penderitaan yang dialami oleh mereka.
- Kita harus menyertai aktiviti kemasyarakatan seperti aktiviti gotong-royong supaya dapat mengenali jiran kita.
- Kita boleh bertegur sapa dengan jiran ketika berselisih mahu keluar dari rumah untuk menjalinkan hubungan yang baik dengan jiran dan dapat mewujudkan masyarakat yang harmoni.
 (Jawapan lain yang bersesuaian diterima)

Bahagian B

Gambar menunjukkan penjagaan keselamatan di rumah amat penting dalam kehidupan kita. Terdapat banyak cara yang boleh kita lakukan untuk menjaga keselamatan di rumah. Antaranya ialah kita mestilah memasang sistem penggera api dan kamera litar tertutup di rumah kita. Kesannya, kita dapat merakam gambar pencuri yang menceroboh masuk ke rumah kita. Kita juga dapat mengesan kebakaran pada peringkat awal untuk menyelamatkan diri sekiranya sistem penggera api dipasang di rumah kita. Selain itu, kita haruslah sentiasa memastikan pintu dikunci semasa kita hendak keluar dari rumah supaya pencuri tidak mudah menceroboh masuk ke rumah kita. Akhir sekali, kita wajarlah menyimpan peralatan tajam di tempat yang selamat supaya kanak-kanak tidak mudah mencapai peralatan tajam seperti gunting dan pisau yang akan mendatangkan bahaya kepada mereka. Kesimpulannya, kita mestilah mengamalkan cara-cara menjaga keselamatan di rumah supaya keselamatan rumah dan ahli keluarga kita terjamin.

Bahagian B

Soalan I

Nama rakan baharu saya ialah Lim Peng Chong. Rumahnya terletak di sebelah rumah saya. Dia dan keluarganya baru sahaja berpindah ke kawasan perumahan saya sejak tiga minggu yang lalu.

Lim Peng Chong berasal dari Tanjung Dawai, Kedah. Bapanya bekerja sebagai seorang peniaga yang menjual buah-buahan di pasar pagi manakala ibunya

seorang suri rumah tangga. Dia mempunyai dua orang kakak dan seorang adik yang berumur lima tahun.

Sepanjang saya mengenali Lim Peng Chong, saya mendapati bahawa dia seorang yang baik hati kerana dia suka menolong orang yang memerlukan bantuan. Saya sangat menyenangi sikapnya yang mudah berkawan. Dia juga seorang yang ringan tulang dan peramah.

Selain itu, Lim Peng Chong ialah seorang murid yang cemerlang dalam pelajaran dan tidak kedekut ilmu. Dia bijak dalam mata pelajaran bahasa Melayu dan selalu dipuji oleh gurunya. Oleh itu, saya akan bertanya kepadanya jika mengalami kesukaran dalam menyelesaikan tugasan yang diberikan oleh guru.

Di samping itu, Lim Peng Chong aktif dalam bidang sukan. Dia telah mewakili sekolah kami dalam permainan bola keranjang sehingga ke peringkat negeri. Pada masa lapang, kami berdua akan bermain bola keranjang di gelanggang bola keranjang yang terletak berhampiran dengan kawasan perumahan kami.

Saya berasa sangat bertuah dan gembira kerana dapat berkawan dengan Lim Peng Chong. Saya berharap persahabatan kami akan kekal selama-lamanya.

Soalan 2

Pada hari Jumaat yang lalu, SK Prai telah mengadakan aktiviti gotong-royong untuk membersihkan dan menceriakan kawasan sekolah. Semua warga sekolah termasuk ibu bapa telah melibatkan diri dalam aktiviti tersebut.

Tujuan utama mengadakan aktiviti tersebut adalah untuk membersihkan kawasan sekolah di samping mengeratkan hubungan antara murid-murid, ibu bapa dan guru-guru serta memupuk kesedaran tentang kepentingan menjaga kebersihan alam sekitar dalam kalangan masyarakat kita.

Pada pukul 7.30 pagi, semua murid, ibu bapa dan guru telah berkumpul di dewan kecil sekolah. Guru besar kami telah menyampaikan ucapan dan taklimat ringkas kepada kami. Kemudian kami dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil.

Ketua kumpulan mengambil peralatan dan mengagihkan alat-alat seperti penyapu, plastik sampah, kain, berus, cangkul dan sebagainya kepada kami. Selepas itu, kami pun memulakan tugas. Antara kawasan yang dibersihkan ialah kantin sekolah, pejabat guru, bilik darjah dan sebagainya.

Setiap ahli kumpulan bekerjasama menjalankan tugas bagai aur dengan tebing. Saya dan murid-murid tahap dua mengutip sampah di kawasan sekitar sekolah.

Ibu bapa dan guru-guru pula mengecat dinding dan menanam pokok bunga untuk menghijaukan kawasan sekolah. Murid-murid tahap satu pula mengelap dan menyusun meja dan kerusi di dalam kelas masing-masing. *(Jawapan lain untuk Penulisan Bahagian A, B dan C yang terdapat dalam buku ini diterima)*

Booklet

Tema 1m.s. B-2

- A** 1. C 2. B 3. B 4. D 5. A
6. C

- B** Baiklah, Cikgu Lim. Saya akan menyusun kerusi dan meja di dalam kelas ini dengan teratur.

- C** 1. Beta 2. Tuanku
3. Baginda 4. Patik

- D** 1. bagai aur dengan tebing
2. bagai isi dengan kuku

- E** 1. Siti sedang menyapu sampah dengan menggunakan penyapu supaya kelasnya sentiasa bersih.
2. Ethan sedang mengelap meja dengan menggunakan sehelai kain buruk.
3. Koay Fei sedang mengecat dinding sekolah supaya kawasan sekolah kelihatan ceria.
4. Salman sedang menanam pokok bunga untuk mencantikkan kawasan sekolah.
5. Kumar sedang membersihkan longkang yang tersumbat dengan menggunakan cangkul untuk mengelakkan pembiakan nyamuk aedes.

(Jawapan lain yang bersesuaian diterima)

Tema 2m.s. B-5

- A** 1. D 2. B 3. A 4. C 5. A
6. C

- B** 1. SALAH 2. SALAH
3. BETUL 4. BETUL
5. BETUL 6. SALAH

- C** 1. naskhah 2. sebilah
3. sebuah 4. sebidang
5. sepatah



- D**
1. Kita perlu menjaga kebersihan dan kesihatan diri supaya kita dapat menghindari penyakit berjangkit dan masalah kesihatan. Selain itu, kita juga dapat meningkatkan produktiviti kehidupan kita dan memberikan tumpuan semasa guru sedang mengajar di dalam kelas.
 2. Kita dapat mengekalkan kesihatan diri dan keluarga dengan melakukan aktiviti riadah bersama ahli keluarga pada masa lapang. Selain itu, kita juga harus mengamalkan pemakanan yang seimbang.

(Tawapan lain yang bersesuaian diterima)

E Pada hujung minggu yang lepas, penduduk Kampung Sentosa telah mengadakan aktiviti gotong-royong untuk membersihkan kawasan kampung. Saya dan seisi keluarga telah menyertai aktiviti yang bermakna itu. Aktiviti gotong-royong ini dirancang oleh ketua kampung bersama-sama penduduk kampung. Tujuan aktiviti ini diadakan adalah untuk membersihkan kawasan sekitar kampung di samping memupuk semangat perpaduan dalam kalangan penduduk.

Tepat pada pukul 7.30 pagi, saya bersama-sama ahli keluarga saya telah berkumpul di hadapan balai raya. Kami juga membawa peralatan seperti penyapu, kain buruk, baldi, plastik sampah dan sebagainya walaupun peralatan turut disediakan oleh pihak ketua kampung. Kemudian, kami diberikan taklimat ringkas oleh ketua kampung.

Kami telah dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil untuk memudahkan kerja pembersihan di kampung. Pada pukul 8.00 pagi, aktiviti gotong-royong pun bermula. Antara kawasan yang dibersihkan ialah taman permainan, pekarangan balai raya dan sebagainya. Semua penduduk kampung telah bekerjasama bagai aur dengan tebing untuk menjalankan tugas yang diberi.

Pada jam 12.30 tengah hari, aktiviti gotong-royong pun tamat. Kaum wanita telah menyediakan hidangan tengah hari. Semua yang terlibat berehat dan makan tengah hari dengan penuh selera. Selain itu, ketua kampung turut menyampaikan ucapan tahniah dan terima kasih atas kerjasama semua penduduk membersihkan kawasan kampung. Walaupun keletihan, kami tetap berasa gembira kerana dapat melihat kawasan kampung menjadi bersih dan indah.

(Tawapan lain yang bersesuaian diterima)

- B**
1. ... bengkel Kemahiran Hidup.
 2. Murid-murid dilarang masuk ke bengkel Kemahiran Hidup sekiranya guru tidak berada di bengkel kerana tiada orang akan mengawasi mereka semasa di dalam bengkel.
 3. Peraturan lain semasa berada di dalam bengkel Kemahiran Hidup selain yang dinyatakan dalam dialog ialah mencuci tangan dengan air dan sabun selepas menjalankan aktiviti di bengkel. Selain itu, dilarang bermain semasa berada di dalam bengkel Kemahiran Hidup.
- (Tawapan lain yang bersesuaian diterima)*

- C**
- | | |
|-----------|------------|
| 1. hairan | 2. seram |
| 3. rindu | 4. berat |
| 5. luas | 6. panjang |

D malang tidak berbau

- E**
- | | |
|----------------|-----------------|
| 1. ambil berat | 2. lepas tangan |
|----------------|-----------------|



Tema 4

.....m.s. B-II

- A**
- | | | | | |
|------|------|------|------|------|
| 1. C | 2. A | 3. C | 4. B | 5. D |
| 6. A | | | | |

- B**
- | | |
|----------|----------|
| 1. salah | 2. salah |
| 3. betul | 4. salah |
| 5. betul | 6. betul |

- C**
- | | |
|-------------|-----------|
| 1. daripada | 2. kepada |
| 3. pada | 4. sejak |
| 5. di | |

- D**
- | | |
|-----------|------------|
| 1. dari | 2. untuk |
| 3. antara | 4. tentang |
| 5. ke | 6. akan |

- E**
1. Maksud pantang larang ialah sesuatu perkara yang menghalang kita daripada melakukan sesuatu kerana ada keburukan di sebaliknya.
 2. Tujuan pantang larang diwujudkan dalam masyarakat Cina adalah untuk membimbing perlakuan agar dapat membentuk masyarakat yang berbudu bahasa.
 3. Masyarakat Cina dilarang menyapu rumah pada hari raya pertama kerana menganggap ia akan membuang segala tuah atau keuntungan yang sedia ada.
 4. Pengajaran di sebalik larangan pinggan mangkuk pecah pada hari sambutan sesuatu perayaan adalah supaya kita sentiasa berhati-hati ketika melakukan kerja rumah dan dapat mengelakkan pembaziran.

(Tawapan lain yang bersesuaian diterima)



Tema 3

.....m.s. B-8

- A**
- | | | | | |
|------|------|------|------|-------|
| 1. C | 2. B | 3. D | 4. A | 5. A |
| 6. C | 7. A | 8. B | 9. D | 10. C |

